

**KAJIAN PERBANDINGAN PERUNDANGAN NEGARA LUAR/ENAKMEN NEGERI BERKAITAN PERUNTUKAN LOMPAT PARTI**

BIL.	NAMA AKTA/ENAKMEN	PERUNTUKAN/SEKSYEN BERKAITAN	CATATAN
1.	Enakmen Perlembagaan (Pindaan) Negeri Sabah 1986	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkara 18(2) (d) - Pindaan kepada Perkara 18 Perlembagaan Negeri Sabah memberi kesan bahawa <b>kerusi sebagai Ahli Dewan menjadi kosong apabila beliau bersara atau dipecat, atau atas apa sebab sekalipun tidak lagi menjadi ahli parti politik yang disertainya sebelum itu</b></li> <li>• Perkara 18(2)(d) yang baharu dimasukkan dalam Perlembagaan Negeri Sabah tersebut telah dipersoalkan kesahannya di sisi Perlembagaan Persekutuan dalam kes <b>Abdul Karim bin Abdul Ghani vs Legislative Assembly of Sabah [1988] 1MLJ 171</b>. Pemohon dalam kes ini (Abdul Karim) memohon kepada Mahkamah Persekutuan satu kebenaran, untuk mendapatkan pengisytiharan Mahkamah Agung, bahawa pindaan kepada Perlembagaan Negeri Sabah tersebut adalah tidak sah.</li> <li>• Alasan yang dikemukakan oleh pemohon ialah Dewan Undangan Negeri Sabah tidak diberikan kuasa dan bukan badan yang kompeten untuk membuat peruntukan berkaitan hilang kelayakan seseorang ahli Dewan. Seterusnya dihujahkan bahwa Dewan Undangan Negeri telah secara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Negeri Sabah merupakan negeri pertama yang telah membuat undang-undang berkaitan anti-lompat parti.</li> <li>• Walaupun mahkamah memutuskan begitu, <b>Perkara 18(2)(d) yang ditambah kepada Perlembagaan Negeri Sabah telah <u>dimansuhkan</u> oleh Enakmen 11 pada tahun 1995.</b></li> </ul>

	<p>tidak sah dan tidak berperlembagaan merampas kuasa Parlimen untuk membuat peruntukan berkenaan sebagaimana peruntukan Perkara 74(1) dan Butiran 6 Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Permohonan pemohon ditolak oleh Mahkamah. Dengan kata lain, kebenaran (leave) tidak dibenarkan. Dalam alasan penghakimannya Hakim Mahkamah Agung, Hashim Yeop A. Sani menyatakan bahawa tiada kesangsian lagi Parlimen mempunyai kuasa tentang hilang kelayakan bagi Ahli Parlimen, tetapi, hilang kelayakan Ahli Dewan Undangan Negeri adalah di bawah kuasa Dewan Undangan Negeri kerana ia adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri sebagaimana jelas di bawah perenggan 6, Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan. Menurut Mahkamah Agung, hal ini juga jelas pada Perenggan 5 Jadual Kelapan bahawa hilang kelayakan adalah di bawah kompetensi Negeri. Perenggan 5 memperuntukkan seperti berikut:</li><li>• "<i>Every citizen of or over the age of twenty-one years who is resident in the State is qualified to be a member of the Legislative Assembly, unless he is disqualified for being a member by the Federal Constitution or this Constitution or by any such law as is mentioned in section 6 of the Eighth Schedule to the Federal Constitution.</i>"</li></ul>	
--	---	--

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keputusan di Mahkamah Persekutuan ini telah menunjukkan bahawa Dewan Undangan Negeri boleh membuat peruntukan berkaitan hilang kelayakan seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri.</li> </ul>	
2.	Enakmen Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan (Bahagian Pertama) (Pindaan) 1991	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkara XXXIA memperuntukkan seperti berikut:- <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b><i>XXXIA. Vacation of seat due to resignation, etc., from political party.</i></b></li> <li>- <b><i>(1) If any member of the Legislative Assembly who is a member of a political party resigns or is expelled from, or for any reasons whatsoever ceases to be a member of such political party, he shall cease to be a member of the Legislative and his seat shall become vacant.</i></b></li> <li>- <b><i>(2) For the purpose of Clause (1) the Legislative Assembly shall determine whether seat becomes vacant and the determination of the assembly shall be final and shall not be questioned in any Court on any ground whatsoever.</i></b></li> </ul> </li> <li>• Fasal (1): seseorang ahli Dewan yang telah dipilih sebagai calon sesebuah parti politik hendaklah mengosongkan kerusinya sekiranya dia melepaskan atau dilucutkan keahliannya atau berhenti daripada menjadi ahli parti politik tersebut atas apa-apa juga sebab.</li> <li>• Fasal (2): Dewan Undangan Negeri akan menentukan sama ada kerusi tersebut menjadi kosong dan penentuan Dewan adalah muktamad</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Negeri Kelantan adalah negeri kedua selepas Sabah yang telah membuat undang-undang berkaitan anti-lompat parti</li> </ul>

		<p>dan tidak boleh dipersoalkan di Mahkamah atas apa jua sebab.</p>	
		<p><b><u>Kajian Kes DUN Negeri Kelantan &amp; Anor v Nordin Salleh &amp; Anor [1992] 3 CLJ 135</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Fakta kes:</u> 2 orang ADUN dari Parti Semangat 46 iaitu Nordin Salleh dan Wan Najib telah lompat menyertai parti UMNO, lalu mereka dilucutkan jawatannya sebagai ADUN melalui kuatkuasa pindaan baru itu. Pilihan Raya Kecil telah dilaksanakan dimana mereka bertanding menjadi calon UMNO lalu kalah kepada calon Parti Semangat 46.</li> <li>• <u>Isu utama:</u> berkenaan validy/kesahan Perkara XXXIA Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan</li> <li>• <u>Hujah pihak plaintif (Nordin Salleh &amp; Anor):</u> Perkara XXXIA Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan telah menyekat kebebasan asasi Ahli Dewan untuk melaksanakan hak kebebasan berpersatuan yang dijamin oleh Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan.</li> <li>• <u>Hujah pihak defendant (Dewan Undangan Negeri Kelantan &amp; Ors):</u> Perkara XXXIA Perlembagaan Negeri Kelantan tidak menghalang seorang anggota Dewan Undangan Negeri yang merupakan anggota parti politik untuk menyertai mana-mana parti politik yang lain, oleh itu, Perkara XXXIA tersebut tidak bertentangan dengan Perkara 10 (1) (c) Perlembagaan Persekutuan.</li> </ul>	

		<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Keputusan Mahkamah:</b> Perkara XXXIA Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan adalah <u>tidak sah kerana niat sebenar Perkara XXXIA adalah untuk menghalang/menyekat Ahli Dewan daripada meninggalkan parti politik yang menjadi tiket kepadanya menjadi Ahli Dewan, atas apa sebab sekalipun.</u> <u>Walaupun Perkara XXXIA tidak secara langsung menyekat kebebasan berpersatuan seseorang Ahli Dewan, namun kesan langsung kepada peruntukan XXXIA itu ialah, kebebasan berpersatuan seseorang Ahli Dewan itu harus dibayar dengan kehilangan kerusi.</u> Justeru, kebebasan berpersatuan itu bukan kebebasan sebenar dan ia hanya menjadi satu ilusi.</li> </ul> <p>Mahkamah juga membuat keputusan bahawa <u>hanya Parlimen yang boleh meletakkan sekatan ke atas kebebasan asasi.</u> Setelah memutuskan bahawa Perkara XXXIA Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan merupakan sekatan kepada kebebasan berpersatuan, mahkamah menjelaskan bahawa hanya Parlimen yang boleh membuat sekatan tersebut.</p> <p>Secara ringkas - <b>Perkara XXXIA Perlembagaan Kelantan adalah terbatal kerana bercanggah dengan kebebasan berpersatuan di bawah Perkara 10 (1) (c) Perlembagaan Persekutuan.</b> Kebebasan berpersatuan meliputi hak memilih, menyertai dan meninggalkan parti politik.</p>	
3.	Enakmen Perlembagaan Negeri (Pindaan) 2012	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pulau Pinang membuat pindaan kepada Perlembagaan Negeri dengan memasukkan <b>Perkara 14A</b> yang mempunyai intipati seperti berikut:</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bagaimanapun hingga hari ini <b>tiada makluman jelas berkaitan kedudukan terkini undang-undang anti lompat di</b></li> </ul>

		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Ahli yang menukar parti politik', hendaklah mengosongkan kerusinya jika dia bertukar parti atau berhenti menjadi ahli parti atas apa jua alasan</i></li> <li>2. <i>Seseorang yang dipilih sebagai ahli Bebas juga mesti mengosongkan kerusinya jika orang itu menyertai sesebuah parti politik.</i></li> <li>3. <i>Perkara 14A mengecualikan wakil rakyat daripada mengosongkan kerusinya jika keahliannya berakhir kerana pembubaran parti atau pembatalan pendaftarannya.</i></li> <li>4. <i>Seseorang wakil rakyat yang melepaskan keahliannya dalam parti jika dia dipilih sebagai speaker dewan undangan negeri adalah dikecualikan daripada mengosongkan kerusinya</i></li> </ol>	Pulau Pinang sama ada dicabar di mahkamah atau tidak.
4.	Enakmen Negeri Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• In November 1994, the State Legislative Assembly (DUN) amended the Constitution of Sarawak to add <b>Clause 7 to Article 17</b> to allow the anti-hopping law to be passed.</li> <li>• <b>Clause 7 (a):</b> "Any person who has voluntarily given an undertaking to the Speaker in writing that he will not resign his membership from the political party for which he stood or to which he belonged when he is elected to the DUN, shall, if he resigns from the political party after being elected, be disqualified in the interest of public integrity and morality from</li> </ul>	

	<p>continuing to be a member of the DUN with effect from the date he resigned from the political party.”</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Clause 7 (b):</b> “For the avoidance of any doubt, it is hereby declared that this Clause shall not be taken as imposing restrictions on any person from becoming a member of any political party, permanently or otherwise.”</li><li>• The Sarawak constitution differs from the Sabah and Kelantan model in that as far as Sarawak is concerned, there is yet a test case to determine or affirm whether Clause 7 is constitutional in accordance with Article 10 of the federal constitution.</li><li>• legal commentators said they believed Article 17(7) of the state constitution may not be against Article 10 of the Federal Constitution as Article 10(2)(c) allows for restriction on freedom of association based on “public order or morality”.</li><li>• The Sarawak amendment was passed after the decision of Nordin Salleh case but the disqualification aspect is based on the ground of “public integrity and morality”.</li></ul>	
--	---	--